



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 4 Mei 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

3 risiko ketirisan, penyelewengan subsidi bahan api

EAIC gesa pemantauan ketat, perkukuh penyelarasan antara agensi urus krisis Asia Barat

Putrajaya: Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengenal pasti beberapa bentuk salah laku tatakelola berisiko tinggi yang boleh berlaku dalam pengurusan krisis bekalan global susulan konflik di Asia Barat, khususnya membabitkan pengalihan bantuan dan subsidi bahan api.

Pengerusi EAIC, Tan Sri Dr Ismail Bakar, berkata risiko itu timbul apabila tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dalam keadaan mendesak bagi mengelak ketirisan sumber awam, termasuk subsidi petrol RON95, diesel dan gas petroleum cecair.

Berdasarkan mandat EAIC yang memantau 20 agensi penguatkuasaan, suruhanjaya itu telah mengenal pasti tiga bentuk risiko utama sepanjang tempoh krisis, antaranya penyeludupan bahan api bersubsidi, khususnya di kawasan sempadan sekiranya pegawai penguat kuasa menyalahgunakan kuasa atau gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Sebagai contoh, pegawai penguat kuasa yang menjaga pintu sempadan boleh melepaskan kenderaan yang membawa muatan bahan api bersubsidi yang cuba diseludup keluar oleh pihak tidak bertanggungjawab, jika pemeriksaan tidak dijalankan secara ketat dan menyeluruh yang akhirnya menyebabkan bahan bersubsidi itu berjaya diseludup keluar," katanya.

Selain itu, Ismail berkata, EAIC turut mengenal pasti risiko penyelewengan bekalan bahan api dalam kalangan pegawai penguat kuasa sendiri, khususnya apabila bekalan yang diperuntukkan bagi tujuan operasi disalahgunakan untuk kepentingan peribadi atau keuntungan tertentu.

Beliau berkata, suruhanjaya itu pernah menerima aduan dan menjalankan siasatan terhadap kes membabitkan penyalahgunaan bekalan bahan api jabatan, sekali gus menunjukkan keper-



luan kawalan dalaman yang lebih ketat dalam pengurusan sumber operasi.

Pada masa sama, Ismail menegaskan keberkesanan pemantauan di stesen minyak dan kawasan berisiko tinggi antara faktor kritikal dalam usaha membanteras ketirisan bahan api bersubsidi, termasuk kes penyalahgunaan subsidi oleh individu yang membenarkan kad pengenalan mereka digunakan oleh pihak tidak layak.

Mengulas langkah kerajaan menempatkan anggota Polis Diraja Malaysia secara sementara di 151 stesen minyak berisiko tinggi, Ismail berkata inisiatif itu antara langkah proaktif yang mampu memperkukuh penguatkuasaan serta mengekang ketirisan subsidi bahan api.

"Langkah itu juga membolehkan pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi tumpuan kepada lokasi berisiko lain seperti depoh diesel nelayan, stesen tanpa jenama, jeti haram serta aktiviti pemindahan minyak dari kapal ke kapal atau bunkering haram," katanya.

Pemantauan berterusan

Ismail bagaimanapun berkata, tahap keberkesanan langkah itu masih pada peringkat awal dan memerlukan pemantauan berterusan bagi menilai impak sebenar terhadap pengurangan ketirisan subsidi.

Setakat ini, EAIC masih belum mengesan sebarang petunjuk awal yang jelas berhubung penyalahgunaan kuasa atau salah laku tatakelola susulan pelaksanaan langkah intervensi kerajaan, namun pemantauan terhadap corak aduan awam akan terus

diperkukuh memandangkan pengendalian bahan bersubsidi kekal sebagai bidang berisiko tinggi dalam situasi krisis.

Ismail menegaskan penyelarasan antara agensi penguatkuasaan semasa krisis perlu diperkukuh melalui pendekatan lebih

tersusun bagi mengelakkan pertindihan tugas serta kelewatan pelaksanaan di lapangan, selain meningkatkan kecekapan operasi.

"Antara langkah utama yang boleh dilaksanakan ialah penubuhan pusat penyelarasan krisis atau *command centre* pada peringkat nasional atau kementerian bagi memastikan arahan diselaraskan secara berpusat dan setiap agensi melaksanakan tanggungjawab secara teratur," katanya.

Selain itu, beliau berkata penguatkuasaan SOP yang jelas berkaitan pelaksanaan tugas agensi penguatkuasaan adalah elemen penting dalam memperkukuh tadbir urus semasa krisis, termasuk penetapan bidang kuasa, aliran kerja dan saluran komunikasi rasmi bagi memastikan setiap agensi memahami peranan serta mengelakkan pertindihan fungsi yang boleh menjejaskan keberkesanan operasi.

"Perkongsian maklumat secara berpusat melalui sistem digital atau platform bersama juga membolehkan semua agensi bertindak berdasarkan data yang seragam, sekali gus mengurangkan percanggahan maklumat dan kelewatan dalam pelaksanaan tindakan penguatkuasaan.

"Pendekatan berkenaan dapat meningkatkan kecekapan pemantauan serta memudahkan pengesanan isu integriti lebih cepat, khususnya dalam situasi krisis yang memerlukan tindak balas segera," katanya. BERNAMA



Ismail Bakar

KRISIS BEKALAN

EAIC kenal pasti salah laku berisiko tinggi: Dr Ismail

Putrajaya: Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengenal pasti beberapa bentuk salah laku tatakelola berisiko tinggi yang boleh berlaku dalam pengurusan krisis bekalan global susulan konflik di Asia Barat, khususnya membabitkan pengagihan bantuan dan subsidi bahan api.

Pengerusi EAIC, Tan Sri Dr Ismail Bakar berkata, risiko itu timbul apabila tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dalam keadaan mendesak bagi mengekang ketirisan sumber awam, termasuk subsidi petrol RON95, diesel dan gas petroleum cecair.

Beliau berkata, berdasarkan mandat EAIC yang memantau 20 agensi penguatkuasaan, suruhanjaya itu sudah mengenal pasti tiga bentuk risiko utama sepanjang tempoh krisis, antaranya penyeludupan bahan api bersubsidi, khususnya di kawasan sempadan sekiranya pegawai penguat kuasa menyalahgunakan kuasa atau gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Sebagai contoh, pegawai penguat kuasa yang menjaga pintu sempadan boleh melepaskan kenderaan yang membawa muatan bahan api bersubsidi



DR Ismail

yang cuba diseludup keluar oleh pihak tidak bertanggungjawab, jika pemeriksaan tidak dijalankan secara ketat dan menyeluruh yang akhirnya menyebabkan bahan bersubsidi itu berjaya diseludup keluar," katanya.

Selain itu, Ismail berkata, EAIC turut mengenal pasti risiko penyelewengan bekalan bahan api dalam kalangan pegawai penguat kuasa sendiri, khususnya apabila bekalan yang diperuntukkan bagi tujuan operasi disalahgunakan untuk kepentingan peribadi atau keuntungan tertentu.

Beliau berkata, suruhanjaya itu pernah menerima aduan dan menjalankan siasatan terhadap kes membabitkan penyalahgu-

naan bekalan bahan api jabatan, sekali gus menunjukkan keperluan kawalan dalaman yang lebih ketat dalam pengurusan sumber operasi.

Pada masa sama, Ismail menegaskan keberkesanan pemantauan di stesen minyak dan kawasan berisiko tinggi antara faktor kritikal dalam usaha membanteras ketirisan bahan api bersubsidi, termasuk kes penyalahgunaan subsidi oleh individu yang membenarkan kad pengenalan mereka digunakan oleh pihak tidak layak.

Ismail ketika mengulas langkah kerajaan menempatkan anggota polis secara sementara di 151 stesen minyak berisiko tinggi berkata, inisiatif itu antara langkah proaktif yang mampu memperkukuh penguatkuasaan serta mengekang ketirisan subsidi bahan api.

"Langkah itu juga membolehkan pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi tumpuan kepada lokasi berisiko lain seperti depoh diesel nelayan, stesen tanpa jenama, jeti haram serta aktiviti pemindahan minyak dari kapal ke kapal atau 'bunkering' haram," katanya.

LEAKAGES OF PUBLIC RESOURCES

GAPS IN FUEL SUBSIDY
GOVERNANCE **FLAGGED**

Risks heightened
when carrying out
enforcement under
urgent conditions,
says commission

PUTRAJAYA

THE Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) has flagged several high-risk governance lapses that could arise in managing an energy supply crisis, particularly in the distribution of aid and subsidised fuel.

Its chairman, Tan Sri Dr Ismail Bakar, said the risks were heightened when carrying out enforcement under urgent conditions to curb leakages of public resources, including subsidies for RON95 petrol, diesel and liquefied petroleum gas (LPG).

Based on its oversight of 20 enforcement agencies, EAIC identified key risk areas during crises, including cross-border smuggling of subsidised fuel — especially at entry points where officers may abuse their authority or fail to comply with the standard operating procedure (SOP).

"For instance, enforcement officers at border points may allow vehicles carrying subsidised fuel

to pass without thorough checks, resulting in leakages," he said.

The commission also highlighted the risk of misappropriation of operational fuel supplies among enforcement personnel, noting that such allocations could be diverted for personal use if controls were weak.

Ismail said EAIC had previously received complaints and conducted investigations into such cases, underscoring the need for stricter internal controls.

He stressed that effective monitoring at petrol stations and other high-risk locations remained critical, including preventing misuse of subsidies through the use of identity cards by ineligible parties.

Commenting on the government's move to deploy police personnel to 151 high-risk petrol stations, Ismail described it as a proactive step to strengthen enforcement and reduce leakages while allowing Domestic Trade and Cost of Living Ministry officers to focus on other hotspots, such as fishermen's diesel depots, illegal jetties and bunkering activities.

However, he said the effectiveness of these measures remained at an early stage and required continuous monitoring.

He added that EAIC had yet to detect clear signs of abuse of power following the intervention, but would continue to track com-

plaints closely.

Ismail also called for stronger inter-agency coordination through structured mechanisms, including setting up a centralised crisis command centre, clearer SOP and improved information-sharing systems to enhance efficiency and reduce overlaps.

Meanwhile, the General Operations Force (GOF) has given assurance that there has been no misuse of fuel quotas among its personnel deployed along the Malaysia-Thailand border.

GOF Southeast Brigade commander Senior Assistant Commissioner Ahmad Radzi Hussain said fuel usage among more than 800 personnel in Kelantan was being monitored, with no irregularities detected to date.

"We remain fully supportive of government policies and adhere to all directives related to cost-saving measures, including fuel usage and operational expenditure," he said.

Ahmad Radzi also described the government's procurement of electric bikes for GOF as a forward-looking measure to reduce fuel dependency and enhance operational efficiency.

Echoing this, GOF Northern Brigade commander Senior Assistant Commissioner Balveer Singh said there had been no reports of misuse within his brigade, with monitoring teams carrying out weekly inspections. **Bernama**



300 liter diesel disyaki diseleweng dirampas

TAWAU: Cubaan menyeleweng bahan api gagal apabila sebanyak 300 liter diesel dirampas dalam satu serahan kes daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) cawangan Tawau, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.40 petang itu, rampasan membabitkan sebuah kenderaan yang dipercayai diubah suai dengan tangki tambahan bagi menyimpan minyak diesel.

Menurut kenyataan KPDN Sabah, hasil pemeriksaan ke atas kenderaan berkenaan menemukan 300 liter diesel dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM11,445.

"Kes ini diserahkan oleh pihak PDRM kepada KPDN untuk tindakan lanjut dan

satu kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," menurut kenyataan itu semalam.

Menurutnya, KPDN Sabah memandang serius sebarang aktiviti penyelewengan barang kawalan termasuk bahan api bersubsidi.

Sehubungan itu, pihaknya akan terus memperkukuh kerjasama bersama agensi penguat kuasa lain bagi membanteras kegiatan berkenaan selain memastikan tindakan tegas diambil terhadap individu terlibat.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan penyelewengan barang kawalan diminta menyalurkan aduan melalui saluran rasmi KPDN atau menghubungi talian yang disediakan," katanya.-UB



TANGKAP: Suspek disyaki terlibat dalam penyelewengan minyak diesel ditahan.

300 liter diesel disyaki diseleweng dirampas

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Cubaan menyeleweng bahan api gagal apabila sebanyak 300 liter diesel dirampas dalam satu serahan kes daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) cawangan Tawau, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.40 petang itu, rampasan membabitkan sebuah kenderaan yang dipercayai diubah suai dengan tangki tambahan bagi menyimpan

minyak diesel.

Menurut kenyataan KPDN Sabah, hasil pemeriksaan ke atas kenderaan berkenaan menemukan 300 liter diesel dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM11,445.

"Kes ini diserahkan oleh pihak PDRM kepada KPDN untuk tindakan lanjut dan satu kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," menurut kenyataan itu semalam.

KPDN Sabah memandangkan serius sebarang aktiviti penyelewengan barang ka-

walan termasuk bahan api bersubsidi.

Sehubungan itu, pihaknya akan terus memperkukuh kerjasama bersama agensi penguat kuasa lain bagi membanteras kegiatan berkenaan selain memastikan tindakan tegas diambil terhadap individu terlibat.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan penyelewengan barang kawalan diminta menyalurkan aduan melalui saluran rasmi KPDN atau menghubungi talian yang disediakan," katanya.



湖走私柴油案 警起获 300 公升值逾万

（斗湖 3 日讯）一宗涉嫌走私受管制柴油的案件由警方移交国内贸易及生活成本部（KPDN）处理。执法人员昨日下午约 4 时 40 分展开行动，在一辆 Isuzu Trooper 休旅车内查获大量

柴油。初步调查显示，该车疑经非法改装，加装额外储油箱用于储存及运输柴油。

此次共起获柴油 300 公升，连同车辆在内估值约 1 万 1445 令吉。案件已援引 1961 年供应管制法令调查。内贸部强调严打津贴燃油相关非法活动，将持续强化跨部门合作，

追究违法者法律责任，也呼吁民众通过官方平台或热线举报相关情报，携手打击不法行为。（18#）

►一辆 Isuzu 运动型休旅车内发现大量柴油，疑似经过非法改装，车内加装额外储油箱，执法人员在检查过程中，成功起获 300 公升柴油，连同交通工具，估计总值约 1 万 1445 令吉。（18D）





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 4 MEI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
4-May	KPDN perketat perbelanjaan dalam susulan arahan MOF	https://www.nst.com.my/news/nation/2026/04/1429395/kpdn-tightens-internal-spending-following-mof-directive	NST
4-May	内贸部配合指示调整开支 傅芝雅： 虽撙节但不减核心	https://www.orientaldaily.com.my/news/nation/2026/04/30/815063	ORIENTAL DAILY
4-May	内贸部配合指示调整开支 傅芝雅： 虽撙节但不减核心	https://news.seehua.com/post/1476350	SEE HUA
4-May	KPDN Melaka rampas 31,279 aksesori tiruan terbesar dalam tempoh 10 tahun	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/04/kpdn-melaka-rampas-31279-aksesori-tiruan-terbesar-	UTUSAN
4-May	Sindiket jual aksesori telefon tiruan tumpas, rampasan terbesar di Melaka	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1352268/sindiket-jual-akesori-telefon-tiruan-tumpas-rampasan-terbesar-di-melaka	HARIAN METRO
4-May	KPDN kesan empat kes seleweng diesel di Sibu	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/kpdn-kesan-empat-kes-seleweng-diesel-di-sibu/	RTM
4-May	KPDN rampas diesel RM400,000 disyaki diseleweng	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2026/04/29/kpdn-rampas-diesel-rm400000-disyaki-	FMT
4-May	Polis bongkar stor seleweng diesel, rampasan RM400,000	https://malaysiatribune.news/polis-bongkar-stor-seleweng-diesel-nilai-rampasan-rm400000/	MALAYSIA TRIBUNE

4-May	KPDN sita hampir 24,000 liter diesel diseleweng untuk industri	https://www.malay.news/kpdn-sita-hampir-24000-liter-diesel-diseleweng-jual-ke-industri/	MALAY NEWS
4-May	Pantau harga utiliti dan diesel	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/30/monitor-utility-and-diesel-prices	THE STAR
4-May	Lelaki ditahan simpan 300 liter diesel tanpa permit di Tawau	https://sabahnews.com.my/lelaki-ditahan-simpan-300-liter-diesel-bersubsidi-tanpa-permit-di-tawau/	SABAH NEWS
4-May	300 liter diesel dirampas, kes diserahkan kepada KPDN Tawau	https://sabahmedia.com/2026/05/03/300-liter-diesel-dirampas-kes-diserah-kepada-kpdn-tawau/	SABAH MEDIA
4-May	Ops Tiris: lelaki ditahan bersama 300 liter diesel bersubsidi tanpa permit	https://www.nabalunews.com/post/op-tiris-lelaki-ditahan-bersama-300-liter-diesel-bersubsidi-tanpa-permit	NABALU NEWS
4-May	Man caught siphoning subsidised diesel in Tawau	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/05/03/man-caught-siphoning-subsidised-diesel-in-tawau	THE STAR
4-May	Ops Tiris 4.0: 450 liter petrol dirampas, lelaki tempatan ditahan	https://sabahmedia.com/2026/05/04/ops-tiris-4-0-450-liter-petrol-dirampas-lelaki-tempatan-ditahan/	SABAH MEDIA
4-May	Lelaki ditahan bersama 480 liter petrol di perairan Semporna	https://sabah.kupikupifm.my/lelaki-ditahan-bersama-480-liter-petrol-di-perairan-semporna/	SABAH KUPIKUPIFM